

# Feri Pulau Pinang akan terus 'berlayar'



**FERI ikonik Pulau Pinang akan diserahkan kepada syarikat yang layak bermula 1 Julai ini untuk diubah suai menjadi feri pelancongan dan muzium terapung.**

**GEORGETOWN:** Feri ikonik Pulau Pinang yang sudah dihentikan operasinya akan terus berada di perairan negeri ini tidak lama lagi.

Sehubungan itu Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) akan menyerahkan lima feri ikonik itu kepada syarikat berkelayakan untuk diubah suai pada 1 Julai ini.

Pengerusi SPPP, Datuk Tan Teik Cheng berkata, dua feri itu akan diubah suai masing-masing dijadikan feri pelancongan dan restoran terapung manakala sebuah lagi sebagai muzium terapung.

"Misi utama SPPP ketika ini adalah untuk memastikan lima feri ikonik ini terus muncul di perairan Pulau Pinang.

"Kita percaya feri-feri ini akan menjadi produk pelancongan yang penting dan tempat percutian menarik di Pulau Pinang dan

akan mendorong sektor pelancongan serta merangsang ekonomi negeri ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, SPPP menerima banyak cadangan daripada syarikat berkelayakan untuk mengubah suai feri ikonik itu sebaik sahaja permintaan untuk cadangan (RFP) mengenainya dibuka bermula 29 Januari hingga 18 Mac lalu.

"Setelah dinilai oleh beberapa jawatankuasa SPPP, Mesyuarat Lembaga Pengarah SPPP pada pertengahan bulan ini meluluskan syarikat yang berkelayakan untuk mengubah suai dan mengendali lima feri ikonik.

"SPPP dan syarikat yang berjaya akan menandatangani kontrak untuk tempoh 10 tahun dengan pilihan disambung selama lima tahun lagi," katanya.